



TALKING POINT
YB.TUAN AZMAN BIN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS
UNTUK
PERASMIAN PENUTUP
KURSUS PENINGKATAN KUALITI PEMASARAN
MANGGA HARUMANIS DAN PERLIS SUNSHINE
MENGIKUT SPESIFIKASI PEMASARAN MASA KINI SIRI 1/2020
NEGERI PERLIS.
PADA
16 JANUARI 2020 (KHAMIS) ; JAM 12.15 TENGAHARI
DI MASJID NURUS SA'ID SANTAN ,
KANGAR PERLIS

Bismilahirrahmanirahim ;

Asalamualaikum wbt Dan Salam Sejahtera ;

`RAJA BERDAULAT RAKYAT BERILMU , NEGERI SEJAHTERA PERLIS MAJU'

PROTOKOL ;

1. Yang Berhormat Tuan Nurulhisham Bin Yaakob ,

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Merangkap Exco Pertanian Dan Industri Asas Tani Negeri Perlis ;

2. Yang Berhormat Puan Asmaiza Binti Ahmad , Ahli Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri selaku ADUN Chuping ;

3. Yang Berbahagia Tan Sri Norian Bin Mai ,

Pengarah Perlis Dolomite Industries Sdn Bhd ;

4. Yang Berusaha Encik Mohamad Paisal Bin Amri

Pengarah FAMA Negeri Perlis ;

5. Ketua – Ketua Jabatan Negeri Dan Pertanian di bawah MOA

Negeri Perlis serta Wakil ;

6. Tuan – Tuan dan Puan – Puan pengusaha – pengusaha

tanaman mangga Harumanis dan Perlis Sunshine Negeri Perlis ;

7. Media Massa dan Hadirin Sekelian .

Alhamdulillah , syukur kita kehadiran Allah swt kerana dengan limpah kurnia dan izin NYA kita dapat bersama - sama di majlis ini yang mana saya difahamkan adalah program Kursus yang pertama kali dianjurkan oleh FAMA bagi tahun 2020.

Saya ucapkan terima kasih kepada FAMA yang menjemput saya di majlis ini dan saya memahami bahawa situasi politik hari ini seolah – olah membataskan hal – hal tertentu di dalam pembabitan Ahli – Ahli Yang Berhormat dengan agensi pelaksana.

Hari ini saya selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis ingin menjelaskan bahawa **tiada sempadan** atau **boundry** yang memisahkan hubungan antara Jabatan / Agensi Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam pelaksanaan dasar – dasar kerajaan hari ini.

Sesungguhnya semua penjawat awam faham akan tanggungjawab masing-masing dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan ;

1. Peningkatan Penduduk Dunia .

Umum mengetahui bahawa jumlah **penduduk dunia dijangka meningkat kepada 9.7 billion pada tahun 2050 ; iaitu peningkatan 2 billion manusia untuk 30 tahun mendatang dan bekalan makanan sedunia dijangka akan berkurangan .**

Dalam pada itu laporan daripada Panel Antara Kerajaan mengenai **Perubahan Iklim (Intergovernmental Panel On Climate Change , IPCC)** meramalkan **penurunan 2 hingga 6 peratus hasil tanaman global setiap dekad.**

Ini bermakna berjuta – juta ekar tanah tidak lagi boleh digunakan untuk pertanian setiap tahun disebabkan oleh faktor cuaca tidak menentu , kemarau , banjir , taufan , serangan – serangan atau symptom lain daripada perubahan iklim adalah salah satu cabaran yang amat hebat dalam sektor pertanian negara.

Namun begitu ianya boleh dilihat sebagai pemangkin kepada transformasi ke arah pertanian moden dalam menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun – tahun mendatang .

Dalam Bajet Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 yang dibentangkan pada 10 Disember 2019 yang lepas, di bawah fokus pertama : **Pembangunan Ekonomi Mapan, Strategi 1** iaitu memperkukuhkan nilai pelaburan swasta, Kerajaan Negeri juga turut memberikan penekanan kepada perkembangan *Agro Business* di Perlis dengan mempertimbangkan pelaksanaan projek-projek swasta seperti:

- a) **Projek Tenusu – bernilai RM290 juta ringgit di atas tapak seluas 4,453 hektar.**
- b) **Projek Ternakan Ruminan – bernilai RM3.40 juta ringgit berkeluasan 69.12 ekar.**
- c) **Projek Tanaman Nenas –berkeluasan 250 ekar dan bakal menjadikan Perlis sebagai salah satu hub pengeluar Nenas terbesar Malaysia.**

Pertanian merupakan sektor yang penting dan penekanan terhadap sektor ini membantu dalam **menguatkan sekuriti makanan negara selain mengurangkan kebergantungan kepada import makanan negara yang kini mencecah RM 32 Billion.**

2. Kualiti mangga Harumanis Perlis

Saya difahamkan oleh FAMA bahawa 2019 isu dan permasalahan yang dihadapi FAMA ialah berhubung kait

dengan kualiti buah termasuk **kerosakan berpunca dari 'Insidious Fruit Rot (IFR)'** iaitu daripada 42 Metrik Tan pembelian buah dari 181 petani ; **33.71 %** buah menghadapi IFR.

Selain dari isu IFR , permasalahan lainnya seperti **buah yang tidak matang , buah buruk , jelly seed , koya dan saiz buah dan rupa bentuknya yang tidak seperti Mangga Harumanis merupakan cabaran yang dihadapi FAMA dalam pengaturan bekalan ke rangkaian pemasaran dalam dan luar negeri .**

Jesteru itu saya melihat perkara ini suatu yang amat serius yang perlu diatasi bersama dalam memartabatkan **mangga Harumanis Perlis sebagai ikon negeri ini berkualiti setanding dengan harganya di pasaran.**

Kerajaan Negeri juga dalam bajet 2020 memperuntukkan sebanyak RM1.30 juta ringgit yang merangkumi penyediaan infrastruktur asas projek, khidmat nasihat kaedah pemprosesan dan pemasaran penggunaan teknologi dalam agronomi di ladang, serta mewujudkan sebuah pusat pengumpulan harumanis yang akan dikendalikan oleh 1,955 petani secara berkelompok.

3. Tahun Melawat Perlis 2021

Kerajaan Negeri Perlis kini sedang mempergiatkan pelaksanaan program - program memperkenalkan tempat – tempat menarik , makanan popular Perlis , Kebudayaan dan acara – acara tarikan pelancong termasuk industri tanaman mangga Harumanis Perlis dalam misi persediaan menjayakan Tahun Melawat Perlis 2021 .

Oleh itu, Kerajaan Negeri juga dalam bajet 2020 memperuntukkan RM4.17 juta ringgit bagi memberi fokus kepada penambahbaikan kemudahan pelancongan dan mempelbagaikan produk eko-pelancongan yang mampu menarik perhatian pelancong domestik dan antarabangsa yang akan dilaksanakan dalam tahun ini juga.

Oleh yang demikian, saya **ingin menyarankan kepada semua pengusaha – pengusha tanaman Harumanis dan Perlis Sunshine agar memberi fokus terhadap pengurusan ladang dan amalan baik lepas tuai diamalkan dengan betul terutamanya dalam pemutuan dan kualiti mangga itu untuk pasaran .**

Isu Harumanis Tipu yang sering dimainkan oleh segelintir kumpulan pemasar yang tidak bertanggungjawab perlu diatasi dan langkah – langkah meyakinkan pengguna luar khususnya

terhadap ketulenan Harumanis Perlis perlu dipertingkatkan menerusi **pembentukan Kumpulan Pemasar yang diiktiraf**.

- 4. Perlantikan Dan Pengiktirafan Perantara Pemasaran Mangga Harumanis Perlis 2021**. Sebagai langkah persediaan kepada Perlis untuk menyambut tetamu / pelancong ke negeri ini menjelang 2021 ; **saya pada dasarnya bersetuju dengan syor FAMA untuk melantik dan mengiktiraf sepuluh (10) Perantara Pemasaran Mangga Harumanis Perlis yang bersedia dari segi ; membekalkan Harumanis yang berkualiti mengikut spesifikasi pemasaran , mampu menjadi destinasi pelancong untuk santai memetik mangga Harumanis dan menikmati makanan popular seperti Pulut Mangga bersama Jus Harumanis serta mampu menyediakan kiosk jualan produk hiliran berasaskan mangga dan sebagainya kepada pelancong.**

Banyak acara - acara tahunan yang menjadi tumpuan pelancong ke Perlis , seperti Pesta Angin Timur (PAT) , Pesta Air Kuala Perlis , Perlis Marathon termasuk kunjungan ke destinasi menarik Gua Kelam , Padang Besar , Kuala Perlis dan Tasik Melati dan sebagainya adalah tetamu negeri yang akan berbelanja di Perlis.

5. Produk Hiliran , Serbuk Harumanis . Selain pasaran segar mangga Harumanis dan Perlis Sunshine , saya telah meminta FAMA baru – baru ini untuk menghasilkan produk hiliran baru berasaskan mangga iaitu **Serbuk Mangga .**

Pengeluaran lebih banyak produk hiliran seperti jus , kodial , jem , serbuk berperisa dan sebagainya perlu difikirkan bagi membantu pengusaha mangga di Perlis terhadap buah yang tidak dapat dipasarkan dalam bentuk buah segar di pasaran boleh dialirkan untuk menghasilkan produk – produk hiliran.

Tuan – Tuan dan Puan – Puan ;

Mengakhiri ucapan ini saya meminta agar semua pengusaha tanaman Harumanis memainkan peranan masing – masing untuk bersama – sama menyokong dan mengisi peluang – peluang yang dirangka di bawah Rancangan Perlis Maju dan Perlis Negeri Bandaraya 2030.

Ambillah peluang untuk meningkatkan pendapatan isi keluarga menerusi pakej – pakej yang disediakan untuk perkembangan ekonomi keluarga dan **negeri Perlis Yang Permai Lagi Istimewa.**

6. Sekali lagi **ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada FAMA yang berjaya menganjurkan program ini dan terima kasih kepada semua yang memberi sokongan ;** serta

tidak lupa kepada Yang Berhormat Tuan Nurulhisham Bin Yaakob , Exco Pertanian Dan Industri Asas Tani yang mempengerusikan Diskusi Mesra Bersama Jabatan / Agensi di bawah portfolionya MMK Pertanian .

Sesungguhnya amalan itu perlu dianjurkan sebagai platform kepada kumpulan sasar mendapat penjelasan terus dari kerajaan .

MAKA OLEH ITU DAN DENGAN LAFAZ ` BISMILAHIRAHMANIRAHIM , SAYA MERASMIKAN PENUTUPAN KURSUS PENINGKATAN KUALITI MANGGA HARUMANIS DAN PERLIS SUNSHINE MENGIKUT SPESIFIKASI PEMASARAN MASA KINI SIRI 1/2020 NEGERI PERLIS.

Sekian , wabilahitaufik , Asalamualaikum wbt.

Terima kasih.

- TEKS TAMAT -

